



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8889 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.9(51 )  
Tarikh : 29 Januari 2024

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 2  
TAHUN 2024**

**KETETAPAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM OLEH MURID SEKOLAH BAWAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI KALENDAR AKADEMIK  
SESI 2024/2025**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Ketetapan Pemakaian Pakaian Seragam oleh Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Mulai Kalendar Akademik Sesi 2024/2025.

2. Kementerian ini mengambil perhatian akan keprihatinan ibu bapa dan penjaga bagi menyediakan kelengkapan persekolahan anak masing-masing terutamanya sebelum sesi persekolahan yang baharu. KPM juga mengambil maklum terhadap kekusaran ibu bapa dan penjaga berhubung peraturan pemakaian pakaian sekolah apabila persekolahan Kalendar Akademik Sesi 2024/2025 bermula. Pada waktu yang sama, KPM juga sentiasa menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid termasuk guru dan anggota kumpulan pelaksana dalam menghadapi perubahan cuaca yang tidak menentu.

3. Sehubungan dengan itu, KPM memutuskan bahawa pihak sekolah diberikan autonomi untuk menetapkan pemakaian pakaian seragam sekolah, pakaian sukan dan pakaian seragam kokurikulum sepanjang sesi persekolahan mengikut perancangan sekolah masing-masing bermula Kalendar Akademik Sesi 2024/2025. Pihak sekolah boleh menetapkan mana-mana dua hari dalam seminggu untuk murid memakai pakaian

seragam sekolah, manakala dua hari lagi murid diberikan kelonggaran untuk memakai pakaian/baju sukan yang sopan dan satu hari lagi memakai pakaian seragam kokurikulum.

4. Pemakaian tali leher dan blazer bagi murid yang memakai pakaian seragam sekolah adalah digalakkan dalam keadaan cuaca yang normal selaras dengan garis panduan sedia ada. Walau bagaimanapun, pemakaian tali leher dan blazer boleh dikecualikan dalam keadaan cuaca panas di lokasi sekolah masing-masing.

5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan pihak sekolah membuat perancangan dan keputusan yang tepat berhubung pemakaian pakaian sekolah murid sepanjang sesi persekolahan dengan mengambil kira faktor cuaca yang tidak menentu bagi menjamin keselesaan dan keselamatan murid serta mengelakkan sebarang komplikasi kepada kesihatan.

6. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran berikut:

6.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1983: Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah bertarikh 9 Mac 1983;

6.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1985: Pakaian Seragam Murid-Murid Sekolah (Pindaan) bertarikh 22 Nov 1985;

6.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2007: Garis Panduan Pemakaian Pakaian Kokurikulum di Hari Persekolahan dan Perhimpunan Bulanan Kokurikulum bertarikh 7 Ogos 2007; dan

6.4 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023: Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas bertarikh 6 Jun 2023.

7. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai hari pertama persekolahan Kalendar Akademik Sesi 2024/2025.

8. Dengan berkuat kuasa surat siaran ini, maka surat makluman Kebenaran Khas Kepada Murid, Guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana Memakai Pakaian Sukan Semasa Cuaca Panas [KPM.100/1/3/2 JLD.6 (97)] bertarikh 3 Mei 2023 adalah **terbatal**.

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklum dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)**

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Sektor Operasi Sekolah  
merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia